

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Ungku Abdul Aziz Pensyarah Ekonomi

di Universiti of Malaya dalam ucapannya di majlis menyambut genap 2 tahun majalah Asmara di antara lain-lain menyatakan bahawa beliau tidak nampak di kedai-kedai buku-buku pengetahuan yang diterbitkan sekarang. Beliau berpendapat bahawa buku-buku lama ada lebih mengandungi pengetahuan daripada buku-buku yang ada sekarang. Sebahagian orang tidak sependapat dengan Ungku Aziz itu. Orang-orang pada bertanya: Apakah buku-buku pengetahuan yang dikehendaki oleh beliau itu hanya buku-buku yang mengenai pelajaran Barat? Apakah buku-buku tarikh yang mengenai Islam tidak dipandang sebagai buku-buku yang bercorak pengetahuan? Inilah pertanyaan-pertanyaan yang terbit sesudah mendengar ucapan Ungku Aziz itu. Kerana orang ramai melihat di semenanjung ini, walaupun tidak sudah banyak, sememangnya telah ada buku-buku yang bercorak pengetahuan tetapi diasaskan cara Barat bahkan yang mengenai tarikh agama atau pemimpin-pemimpin Islam.

* * *

Bercakap mengenai perkara buku-buku ini sebahagian orang yang cukup mengetahui berpendapat bahawa kekurangan buku-buku pengetahuan ialah kerana pasaran tempat menjual. Orang-orang ini berpendapat bahawa pasarannya ada, dan sekiranya pula pemerintah pula menggalakkan dengan memberi bantuan atau memberi saluran atasnya, mereka percaya bahawa dalam masa tidak lama lagi buku-buku pengetahuan akan banyak diterbitkan kepada umum oleh penerbit-penerbit itu sendiri dengan tidak payah pihak

pentadbiran bermati-mati bersiap untuk mengadakan buku-buku pengetahuan itu sebab untuk menghadapi kebangkitan atau perkembangan yang ada sekarang jika menunggu daripada pemerintah mengadakannya sudah tentu tidak boleh diharap untuk dapat mengejar perkembangan-perkembangan yang pesat.

* * *

Di dalam majlis itu pula Ungku Abdul Aziz menyampaikan perkataan Sutan Takdir Alisjahbana yang menjawab pertanyaan mengenai apa yang patut ada kepada wartawan-wartawan atau penulis-penulis buku. Dikatakan Sutan Takdir Alisjahbana minta supaya mengisi dada masing-masing. Perkataan ini disebut dengan perasaan kurang senang oleh wartawan-wartawan yang ada di situ. Mereka seakan-akan tidak mengerti dengan apa yang dikatakan hendak mengisi dada itu. Sungguhpun pengetahuan mesti ada dan cukup tetapi jarang pula orang-orang yang berpengetahuan itu dapat melaksanakan atau menggambarkan pendapat-pendapatnya itu dengan tulisan atau dengan lisan kerana itu adalah satu keadaan yang berlainan pula. Kita berharap bahawa cakapan Ungku Abdul Aziz diambil baiknya sahaja iaitu persatuan wartawan hendaknya mengambil kebaikannya lalu mengadakan kursus-kursus yang mengenai kewartawanan atau kursus-kursus cara membuat buku kepada anggota-anggotanya kerana tidak dapat dinafikan bahawa banyak daripada anggota-anggota persatuan wartawan atau wartawan-wartawan itu sendiri yang tidak tahu *etiquette* wartawan, tidak tahu undang-undang yang mengenai kewartawanan,

tidak tahu pula undang-undang *seditionous*, tidak tahu undang-undang *liable*, dan tidak tahu pula undang-undang yang mengenai barang-barang *obscene* (cabul) yang diperundang-undangkan di negeri ini. Semuanya itu mustahak diadakan kursusnya sebab kebanyakan daripada wartawan-wartawan kita Melayu itu hanya hidupnya semata-mata dengan aliran kemahuan menceburkan diri menjadi wartawan sedang bahan-bahan atau perkara-perkara yang menjadikan tempat sempadan bagi diri mereka itu tidak mereka ketahui.

* * *

Encik Senu bin Abdul Rahman Setiausaha UMNO, tatkala membidas kenyataan akhbar “Pedoman” yang mengatakan bahwa perintah-perintah sedang dikeluarkan kepada ahli-ahli UMNO sampai jangan membaca akhbar “Pedoman” kerana dia banyak mengkritik UMNO. Dia mengatakan bahawa UMNO tidak pernah mengharamkan pembacaan mana-mana akhbar pun. Kenyataan beliau ini diterima orang dengan tersenyum kerana rupanya beliau lupa bagaimana Tengku dengan komplotnya telah mengarak dan membakar Qalam dengan surat khabar mingguannya Warta di Johor Baharu serta dengan Pegawai Penerangannya berpekik di sana sini sampai mengadakan pemboikotan terhadap Qalam dan Warta. Apakah ini bukan terbitnya daripada satu perintah pucuk pimpinan yang nampaknya pada waktu itu ada pula anasir-anasir di sebalik layar yang takutkan kemajuan akhbar mingguan Warta pada masa itu? Mudah-mudahan Encik Senu, sebelum bercakap pada masa-masa yang akan datang, mengkaji dahulu apa yang telah terjadi sampai jangan berputar belit.

* * *

Keadaan yang tersebut ini boleh pula ditamsilkan sebagai satu kenyataan yang disengaja disebabkan Encik Senu berkata bahawa untuk Badan Penerangan itu serupalah sifatnya seperti

Doktor Gobel, bercakap berdakyah walaupun palsu atau tidak benar. Orang-orang tertentu pada bertanya sekarang – Encik Senu sebagai setiausaha dan Tuan Ja’far Albar sebagai pegawai penerangan: Siapakah diantara keduanya itu yang akan mendapat title “Gobel” ? Pertanyaan ini timbul sebab sudah dinamakan. Tetapi orang ramai tentunya lebih berkenan jika Tuan Ja’far Albar digelar sebagai “Doktor Gobel UMNO” kerana dari dahulu beliau lah yang selalu berpekik di sana membuat janji disini tetapi janji dan akuan-akuan, terutamanya di dalam pilihan raya yang disebutkan dahulu, hanya sebagai pancingan dan tidak dapat dibuktikan. Apakah ini sudah sepatutnya beliau mendapat gelaran “Doktor Gobel UMNO” ataupun “Doktor Gobel Perikatan” kerana beliau boleh mengambil hati rakyat dengan menggunakan ayat-ayat Allah untuk tujuan-tujuannya.

* * *

Dato’ Onn dalam “kritiknya” memperingatkan kepada orang ramai akan pinjaman yang dirancangan oleh Tengku Abdul Rahman sebanyak dua ribu million ringgit kepada kerajaan British itu sebagainya suatu langkah yang kelak akan membebaskan tanggungan rakyat. Menjawab kritik itu Tengku Abdul Rahman dalam ucapannya baru-baru di Pulau Pinang berkata bahawa semua kerajaan ada berhutang untuk mentadbirkan negerinya. Dua pendapat ini tentulah berlainan yang satu tidak mahukan menjadi beban rakyat yang berat sedang satu lagi menyatakan berhutang tidak mengapa dan memang menjadi adat negara-negara lain. Hal ini menjadi satu perkara yang kalau dibandingkan kepada perniagaan: berniaga kalau berhutang payah padahnya. Kalau perniagaan itu maju dan untung mudahlah hutang itu dibayar tetapi umpamanya perniagaan tadi berjalan besar pasak daripada tiang, umpamanya kerana ada wang yang banyak membelanjakan ini, membelanjakan itu

dan sebagaimana dengan cara mewah akhirnya tentulah besar belanja daripada hasil dan kalau terjadi yang demikian tentulah siapa yang bakal menanggung? Sebab itulah orang ramai merasa berat kenapa mesti berhutang sebegitu banyak? Hal-hal yang berlaku umpamanya mengadakan pesta dengan perbelanjaan sebegitu besar dan lain-lainnya satu langkah yang membazir yang bakal meruntuhkan kepercayaan orang kepada pemerintahan yang ada sekarang.

* * *

Ke mana hutang itu diminta? Inilah pertanyaan yang timbul. Jawapannya terang iaitu kepada kerajaan British. Kenapa maka meminjam kesana? Ini pula soalan yang diterbitkan oleh orang-orang yang dahulu mendengar “Doktor Gobel Perikatan” berpekik di sana berpekik di sini sampai British dahulu keluar daripada Malaya. (Ingatlah kita bukan pro British) tetapi kalau suatu masa orang itu Dipekikkan sampai dihalau keluar tentulah orang pada bertanya kenapa pula kita meminjam kepadanya? Harap “Doktor Gobel Perikatan” menjawab pertanyaan ini sebab kira sendiri tidak sanggup menjawabnya.

* * *

Pihak Kristian, Methodist telah mengadakan persidangannya bagi Tenggara Asia dan mengambil keputusan: tidak minum arak, tidak merokok dan tidak berjudi. Tujuan-tujuan itu sememangnya baik dan bagi kita orang Islam patut lebih lagi, sebab kita dilarang berzina, berjudi dan minum arak. Tetapi malangnya bahawa tegahan-tegahan itu dilanggar dan yang melakukannya bukan saja pemuda-pemuda tetapi juga pemimpin-pemimpin hingga ada kononnya pemimpin-pemimpin itu tidak dapat bercakap kalau tidak minum dahulu

(minuman keras). Ada juga kononnya kerana ia seorang pemimpin disilakan membaca doa bersama di masjid. Bersyarah dihadapan orang Islam sedang mulutnya masih berbau lagi dengan minuman keras dan pabila keluar pula dari masjid pergi pula ke tempat menari atau joget untuk memuaskan hawa nafsunya.

Jika ada sifat-sifat pemimpin yang serupa itu – yang melanggar di tengah-tengah terang tegahan-tegahan Tuhan – tentulah orang pada bertanya bagaimana boleh ia dijadikan pemimpin, sedang yang dipimpin lebih banyaknya orang-orang Melayu yang beragama Islam? Hal ini terpulang kepada rakyat sendiri yang telah menjadikan mereka pemimpin. Ulama-ulama patut memperingatkan mereka itu akan balasan Tuhan kelak di belakang hari kepada diri mereka bahkan patut pula diperingatkan bahawa perbuatan-perbuatan seperti itu akan pula berkesan kepada kejatuhan umat itu tidak berani menegur dan berterus terang kepada perbuatan-perbuatan pemimpin yang menjadikan pula minuman keras tadi sebagai air sejuk. Jaga-jagalalah akan balasan Tuhan!

* * *

Menteri luar Indonesia, menurut berita akhbar, tatkala akan pergi ke London hendak ditangkap oleh tentera Indonesia kerana dituduh makan suap. Perkara makan suap di Indonesia memang telah berjalan dengan banyaknya terutama daripada pemimpin-pemimpin besar sehingga kepada yang di bawahnya. Pada masa Jemaah Menteri Dr Burhanuddin Harahap satu rang undang-undang makan suap sudah disetujukan tetapi Presiden Sukarno enggan menandatangani undang-undang itu. Sekarang telah nampak bahawa pegawai-pegawai tinggi yang kononnya makan suap itu tentulah menjadi terang lagi. Mengapa Presiden enggan menandatangani undang-undang makan suap yang tersebut. Dalam pada itu, pemimpin-pemimpin atau mereka yang boleh berupaya

masih senang hidupnya sedang rakyat jelata menderita. Bagaimanakah mereka itu tergamak boleh melihat penduduk yang tidur di bawah-bawah jambatan sebagai rumah-rumah mereka dengan makanan di desa-desa dengan kadar yang hanya boleh menahan lapar sahaja? Apakah hal ini nanti akan menghidupkan lagi satu revolusi baru? Soalnya terpulung kepada keadaan umat itu sampai di manakah mereka boleh tahan dan sampai di manakah pihak tentera akan bersikap sebagai penonton dalam kejadian-kejadian yang hebat dan mendukacitakan itu.

* * *

Suatu mesyuarat yang dinamakan “kebudayaan” tidak termasuk persatuan penerbit-penerbit dan wartawan, telah diadakan baru-baru ini dengan tujuan sebagai anti kebudayaan dan penerbitan cabul. Mesyuarat ini dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina. Apa yang terjadi tentulah sebaliknya iaitu di dalam gambar-gambar masalah penerbitan cabul maka telah dibawa di sana satu tujuan yang licin yang menghendaki sampai dimajukan bantahan atas langkah-langkah polis menahan sandiwara-sandiwara sekolah Cina yang dikatakan mendirikan kebudayaan, tetapi kebudayaan yang dipercayai bercorak “merah”. Bagaimana fikiran Bung-bung di Cecil Street yang telah menggembar-gemburkan perkara itu ? Orang ramai T.S.T, Bung!!!

* * *

Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi dalam Muktamar Islam di Beirut telah dilantik menjadi Yang di-Pertuanya sedang Al-Ustaz Sa'id Ramadhan menjadi Setiausahanya. Sesudah muktamar itu mereka pergi ke haji dan di sana mereka mengadakan suatu jamuan untuk berkenalan

dengan pemimpin-pemimpin Islam sebagai penutup muktamar itu. Ketika diadakan jamuan di sebuah hotel maka sebelum tiba masanya berlangsung beberapa banyak orang Mesir telah masuk ke sana dengan tidak dijemput lalu mengacau dan bikin ribut di majlis itu. Sekalipun diminta dengan beberapa hormat sampai jangan meributkan mereka itu meneruskan juga perbuatan-perbuatan itu sehingga akhirnya perjumpaan itu tidak dapat dilangsungkan. Terbitnya tidak lain kerana muktamar alam Islam bagi kali yang ketiga yang di adakan di Beirut itu adalah anjuran orang-orang dari Ikhwān al-Muslimīn (tidak anjuran dari Anuar Sadat, Mesir). Kerana perpecahan itu dengan cara biadab mereka mengacau majlis jempunan itu dan kerana itu bantahan-bantahan telah dibuat kepada kerajaan Saudi Arabia tentang gangguan keamanan yang tersebut. Menurut Kiyai Isa Ansari, dalam penyisatannya, kelakuan orang-orang Mesir menceroboh majlis yang diadakan di Makkah sehingga berpekik “tidak ada Nasir selain Jamal Abdul Nasir itu”, adalah disusun dan diselenggarakan oleh kedutaan Mesir di Hijaz.

S. K. Abd Rahman

463, Jalan Alsagoff,

Tel: 135

P. O. Box 77

PONTIAN

Penjual buku-buku, Majalah-majalah Qalam, aneka warna, budaya dan wanita. Buku-buku sekolah, majalah-majalah Inggeris dan ubat-ubatan dan lain-lainnya ada dijual di kedai kita.